



USM UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA




PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN
SCHOOL OF EDUCATIONAL STUDIES

PPK 212 (MASALAH PENDENGARAN)

TAJUK :

PERANAN KELUARGA DAN
MASYARAKAT UNTUK MEMBANTU
KANAK-KANAK MASALAH
PENDENGARAN

	<p>NAMA : MOHAMAD NUR IRFAN BIN MAT NOOR NO. MATRIK: 142591 IC: 981010-11-5399</p> <p>TARIKH PENGHANTARAN : 13 DISEMBER 2019</p>
	<p>NAMA : MUHAMMAD AIDIEL FAIQ BIN MAZLAN NO MATRIK : 143071 IC: 980404-01-6401</p> <p>TARIKH PENGHANTARAN : 13 DISEMBER 2019</p>

DISEDIAKAN UNTUK :

PROF. DR. AZNAN BIN CHE AHMAD

PENGENALAN

Chua Fee Ties dan Koh Boh Boon (1992) menjelaskan bahawa kanak-kanak pekak sebagai seorang yang rosak pendengaran kerana dalam kebanyakan contoh, ia mempunyai pendengaran separa. Kanak-kanak ini luar biasa kerana tidak dapat bertindak balas terhadap bunyibunyi disekeliling. Secara umumnya, manusia akan lebih senang apabila berkomunikasi menggunakan pertuturan. Bagi golongan tertentu pula, mereka mempunyai cara lain apabila hendak berkomunikasi. Misalnya, orang pekak menggunakan beberapa cara untuk menyampaikan maklumat. Komunikasi bagi orang pekak adalah dengan cara menggunakan bahasa isyarat. Golongan pekak merupakan individu yang pekak dan individu yang mempunyai kesukaran mendengar. Kanak-kanak pekak akan menghadapi masalah dalam mempelajari bahasa terutamanya apabila mereka diajar tentang tatabahasa. Luckner, Sebald, Cooney, Young, & Muir (2005) menyatakan secara keseluruhannya, standard literasi kanak-kanak pekak adalah lemah dan ia berada di aras bawah di mana mereka seringkali gagal mencapai tahap kecemerlangan. Maka, peranan guru dan ibubapa sangat penting dan pada masa yang sama mencabar dalam mengajar bahasa kepada kanak-kanak pekak. Boleh dikatakan golongan pelajar yang pekak boleh mempelajari bahasa melalui teknik pengajaran yang kreatif dan menarik.

Scarborough (2001) dalam kajian beliau mencadangkan bahawa terdapat lapan ciri-ciri penting yang perlu ada dalam diri seorang pembaca yang berkemahiran: pengetahuan sedia ada, kosa kata, struktur bahasa, verbal reasoning, pengetahuan literasi, kesedaran fonik, pentaksiran kod dan kesedaran penglihatan. Berdasarkan cadangan ini, dengan menyelitikan kesemua lapan unsur ini dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran kita dapat memastikan pengajaran bahasa yang efektif kepada murid pekak. Masalah pendengaran merupakan sesuatu kecacatan saraf yang paling kerap berlaku di dalam suatu populasi manusia. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan hampir 250 juta penduduk dunia mengalami masalah pendengaran (World Health Organisation, 1999). Kejadian masalah pendengaran kongenital dianggarkan seramai 1 hingga 3 orang di dalam setiap 1000 kelahiran. Kira-kira 50 peratus daripada kes berkenaan disebabkan oleh faktor genetik atau pendedahan kepada faktor persekitaran yang lain (Morton, 1991).

PERANAN KELUARGA

A. PENDIDIKAN

Tahap pendidikan yang dimiliki oleh ibu bapa membantu mereka mengakses maklumat dengan lebih baik dan memahami kaedah bagaimana hendak mendapatkan bantuan dan khidmat sokongan yang diperlukan. Ibu bapa yang berpendidikan dan berkemampuan dari segi kewangan dapat menyediakan peluang dan kemudahan yang lebih baik untuk anak-anak pekak. Prosedur yang telah ditetapkan agar kanak-kanak bermasalah pendengaran dapat masuk ke sekolah kerajaan. Ibu bapa hendaklah mengisikan borang Biodata Kanak-kanak dengan Keperluan Khas yang boleh didapati dari Jabatan Kebajikan Masyarakat, hospital kerajaan, pusat kesihatan, Sekolah Pendidikan Khas Bermasalah Pendengaran atau Pusat Perkhidmatan Pendidikan khas / Unit Pendidikan Khas, Jabatan Pendidikan Negeri. Seterusnya mendapatkan pengesahan daripada doktor di hospital, lalu borang tersebut hendaklah diserahkan ke Unit Pendidikan Khas, Jabatan Pendidikan Negeri untuk tindakan pendaftaran dan penempatan yang selanjutnya. Satu salinan borang berkenaan dihantar ke Jabatan Kebajikan Masyarakat supaya direkodkan sebagai orang kurang upaya (OKU).

B. KHIDMAT AUDIOLOGI

Perkhidmatan Audiologi adalah melibatkan pencegahan, pengenalpastian, penilaian dan pengurusan individu yang mengalami masalah pendengaran dimana kanak-kanak tersebut akan diagnosiskan pada kanak-kanak masalah pendengaran dan mengenal pasti kehilangan pendengaran kanak-kanak pada setiap peringkat yang berbeza. Selain itu, ia juga membekalkan terapi pendengaran serta memakaikan alat bantu pendengaran yang sesuai dengan kanak-kanak yang mengalami masalah pendengaran serta pakar audiologi berhak menilai, memilih dan mendispensi alat bantuan pendengaran. Disamping itu, khidmat audiologi juga membekalkan sepenuhnya perkhidmatan pemulihan pendengaran di sekolah-sekolah awam kerajaan mahupun swasta bagi semua tahap pendidikan dan membekalkan kaunseling secara individu untuk membantu individu bermasalah pendengaran agar dapat berinteraksi dengan lebih efektif dalam kehidupan sosial, pendidikan dan persekitaran. Lantaran itu, ia juga mampu memberikan nasihat dalam pemilihan sistem amplifikasi bilik

darjah untuk murid-muid bermasalah pendengaran. Ini meliputi alat bantuan pendengaran peribadi dan sistem FM sekaligus bertanggungjawab dan turut serta bersama profesional lain dalam memilih calon yang sesuai untuk implan koklea serta melakukan pemetaan koklea. Seterusnya memberikan pendidikan kepada ibubapa yang mempunyai anak-anak bermasalah pendengaran dari segi mendengar, bertutur dan menggunakan bahasa. Khidmat nasihat mengenai penempatan dan penempatan semula murid turut diberikan merujuk kes-kes tertentu kepada pakar telinga, hidung dan tekak, psikologi, pakar kanak-kanak, terapi pertuturan dan sebagainya.

C. KOMUNIKASI

Semakin tinggi tahap penglibatan ibu bapa dengan anak pekak, anak-anak mereka lebih berjaya dalam akademik. Ibu bapa yang telah mula mengajar anak sejak kecil, mempelajari komunikasi yang digunakan anak pekak, mengambil bahagian dalam pendidikan anak sama ada di sekolah atau dalam komuniti dapat membantu anak untuk cemerlang. Hal ini mampu memudahkan pembentukan sosial dan emosi kanak-kanak bermasalah pendengaran sekiranya ibu bapa itu sendiri mempelajari komunikasi melalui bahasa isyarat. Miedel dan Reynolds (2000) dan Sandra (2000) menegaskan apabila ibu bapa terlibat dalam pendidikan anak-anak, anak-anak akan menunjukkan peningkatan pencapaian dalam ujian, hadir ke sekolah dengan lebih kerap dan menyiapkan kerja sekolah dengan lebih baik. Anak-anak juga akan mempamerkan tingkah laku dan sikap yang lebih positif, dan akan melanjutkan pelajaran ke tahap lebih tinggi. Sementara kajian-kajian oleh Ngeow (1999), Schargel dan Smink (2001), Senechal, Leferre, Hudson dan Lawson (1998) dan Epstein, Simon dan Salinas (1997) berkaitan penglibatan ibu bapa mendapati bahawa orang yang paling tepat percaya tentang kejayaan anak di sekolah ialah apabila ibu bapa anak-anak tersebut dapat menyediakan persekitaran yang menggalakkan pembelajaran, dan melibatkan diri dalam pendidikan anak sama ada di rumah, di sekolah atau dalam komuniti.

D. SOKONGAN DAN DORONGAN

Pelajar pekak didapati berjaya disebabkan jangkaan ibu bapa terhadap mereka. Jangkaan tinggi tetapi realistik yang diletakkan oleh ibu bapa membantu pelajar-pelajar untuk berjaya. Keyakinan yang tinggi ini telah memotivasikan pelajar pekak untuk berusaha lebih gigih dan akhirnya membolehkan mereka mencapai kejayaan cemerlang dalam akademik. Ibu bapa adalah individu yang berperanan utama dalam menguruskan persekitaran pembelajaran di rumah dimana penyertaan ibu bapa dalam intervensi awal adalah penglibatan berasaskan rumah dan bertindak sebagai peserta dan penyokong. Di rumah, ibu bapa berperanan memberi penegasan positif terhadap tingkah laku anak di sekolah dan juga sebagai pendorong dan pemberi maklumat yang berkongsi segala maklumat mengenai anak kita dengan guru di sekolahnya. Justeru itu keluarga atau ibu bapa perlu ada hubungan baik dengan guru untuk berkongsi maklumat dan pengalaman mengenai murid masalah pendengaran berkenaan.

RUMUSAN

Kesimpulannya, pihak keluarga serta masyarakat haruslah memberikan sebarang bentuk bantuan kepada murid-murid berkeperluan khas, khususnya bagi mereka yang mengalami masalah pendengaran. Aspek yang paling penting yang perlu ditekankan oleh pihak keluarga adalah memberikan pendidikan serta mahir menggunakan bahasa isyarat. Pihak keluarga khususnya ibu bapa tidak sepatutnya berasa malu untuk menghantar anak-anak mereka yang mengalami masalah pendengaran ini ke sekolah, kerana setiap anak-anak itu mempunyai hak asasi untuk mendapatkan pendidikan sejak dari kecil. Ibu bapa juga seharusnya mahir untuk menggunakan bahasa isyarat tangan sebagai medium untuk berkomunikasi dengan anak-anak mereka yang mempunyai masalah pendengaran ini. Pihak masyarakat iaitu pihak guru, pihak kerajaan, pihak media massa, persatuan dan pertubuhan serta unit audiologis haruslah berganding bahu untuk memudahkan kanak-kanak bermasalah pendengaran ini untuk menjalani kehidupan seharian seperti manusia normal yang lain.